From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KEJAYAAN PELAJAR BENT2U2I KOHORT 3: NIK ANIS AISHAH MENERAJUI PERKEMBANGAN JENAMA MISS JEWEL
Date: Wednesday, 9 September, 2026 3:10:55 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

9 SEPTEMBER 2026 / 27 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan Gambar oleh Dr. Maliani binti Mohamad

KEJAYAAN PELAJAR BENT2U2I KOHORT 3: NIK ANIS AISHAH MENERAJUI PERKEMBANGAN JENAMA MISS JEWEL





UUM ONLINE: Nik Anis Aishah (No. Matrik: 295693), pelajar Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Mod 2U2I (BENT2U2I) Kohort 3 terus melakarkan kejayaan dalam perniagaan yang diceburi apabila telah berjaya memperluaskan perniagaan yang diusahakannya dengan cawangan di Isetan The Gardens dan bakal membuka lokasi baharu di Isetan KLCC pada 5 Oktober 2026.

Nik Anis Aishah merupakan salah seorang Executive Director dan Co-Founder Miss Jewel, sebuah jenama premium costume jewellery di bawah RAGHAUS SDN. BHD. Beliau terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembangunan jenama bersama pasukan pengasas.

Ditubuhkan pada November 2025 di Alor Setar, Kedah, Miss Jewel menawarkan pelbagai koleksi premium costume jewellery seperti earrings, necklaces, bracelets, rings, brooches dan aksesori lain. Koleksi tertentu turut menggunakan bahan seperti Swarovski crystals, Grade A cubic zirconia, gemstones dan moissanite.



Miss Jewel mula mendapat perhatian selepas membuat penampilan sulung di Gema Raya 2026 di PICC, Putrajaya. Sejak itu, jenama ini telah menyertai pelbagai pop-up dan acara termasuk Pasar Serami at TRX, Ombak KLCC, Port Market at The Curve dan The Messy Club at REXKL.

Bermula melalui pop-up events, Miss Jewel kini telah berjaya memperluaskan kehadirannya ke Isetan The Gardens dan bakal membuka lokasi baharu di Isetan KLCC pada 5 Oktober 2026. Selain pasaran runcit, Miss Jewel turut menawarkan perkhidmatan corporate gifting dan doorgift.

Melangkah ke hadapan, Miss Jewel merancang untuk memperluaskan pasaran ke Australia pada suku pertama tahun 2027 bersama rakan strategik.

Sepanjang mengikuti program B.Ent (Mod 2U2I), Nik Anis Aishah mendapat bimbingan daripada mentor akademik, Dr. Norria Zakaria dan PM Dr. Lily Julienti, yang turut menyokong perkembangan pembelajaran dan pengalaman profesional beliau dalam bidang keusahawanan disamping barisan pensyarah di Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM),UUM.

Pencapaian ini membuktikan keupayaan pelajar Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Mod 2U2I (BENT2U2I) dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan secara langsung dalam dunia industri.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.